

24/01/1998

Negara makmur bukti pentadbiran cekap

JITRA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang bukan berpunca daripada pentadbiran negara tidak cekap seperti didakwa negara maju.

Sebaliknya, kemakmuran negara selepas 40 tahun merdeka tanpa bantuan pihak asing membuktikan pentadbiran rakyat tempatan mampu memaju dan menjayakan negara.

Menurut Perdana Menteri, kegawatan ekonomi Malaysia dan negara Asia Tenggara lain sebenarnya berpunca daripada tindakan pihak luar yang berhasrat menjatuhkan ekonomi negara rantau ini.

Mereka juga mendakwa kononnya masalah ekonomi negara berpunca daripada perlakuan rasuah dan pilih kasih dengan memberi keutamaan kepada orang tertentu dan pihak tidak cekap melaksanakan projek.

Beliau berkata, jika dibandingkan dengan sebelum dan selepas merdeka, negara banyak mencapai kejayaan selepas kemerdekaan hasil daripada usaha sendiri dan jarang meminta bantuan pihak asing.

Menurutnya, kejayaan yang dicapai sekarang adalah hasil kecekapan pemerintah yang prihatin terhadap rakyat dan mahu memastikan mereka hidup senang dan makmur.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat meneliti kejayaan yang sudah dicapai dan tidak terpengaruh dakwaan kononnya masalah kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham sekarang berpunca daripada pentadbiran yang tidak cekap.

"Rakyat harus tahu mereka menjatuhkan ekonomi dan kerajaan yang seterusnya menimbulkan keadaan huru-hara. Mereka kemudian boleh mengambil alih ekonomi dan politik negara.

"Justeru, kita harus tahu dan meneliti perkara ini kerana banyak perbezaan ketara jika dibandingkan dengan zaman penjajahan dan selepas kemerdekaan," katanya ketika merasmikan bangunan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Jitra dan majlis berbuka puasa bersama penduduk di kawasan Parlimen Kubang Pasu hari ini.

(END)